

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 29 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1311-L16260
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan setakat manakah tahap pengeluaran bekalan makanan asas negara seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan, ikan, ayam, lembu dan kambing serta lainnya dan nyatakan sejauh manakah ia telah memenuhi keperluan negara.
2. PN-1311-L16450
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersetuju bahawa kaedah pendidikan negara ini haruslah bebas daripada pengaruh politik sebaliknya pendidikan perlu menjurus kepada melahirkan generasi muda berjiwa patriotik.
3. PN-1311-L16198
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah projek-projek Kerajaan yang terbengkalai sehingga kini.
4. PN-1311-L16786
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang keberkesanan terapi gantian Methadone dalam merawat ketagihan heroin. Adakah benar bahawa Methadone mempunyai ketagihan yang jauh lebih tinggi daripada heroin dan simptom pengunduran yang lebih teruk, serta adakah program tersebut akan diteruskan.
5. PN-1311-L16343
Dato' Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kerugian yang ditaksirkan akibat kejadian jerebu yang melanda negara baru-baru ini, serta apakah punca serta langkah-langkah berkesan bagi mengatas masalah berkenaan memandangkan ia berlaku pada setiap tahun.
6. PN-1311-L16245
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) berapakah jumlah hospital daerah yang sudah ada sekarang dan berapakah jumlah yang akan dibina pada tahun ini di seluruh negara; dan

- (b) bilakah Hospital Daerah Marang, Terengganu akan dibina seperti yang diminta berulang kali oleh penduduk daerah Marang (satu-satunya daerah dalam negeri Terengganu daripada 8 daerah yang tidak mempunyai hospitalnya sendiri).
7. PN-1311-L16817
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah isu sebenar di sebalik insiden bumbung runtuh yang kerap kali berlaku ke atas beberapa bangunan yang baru dibina; dan
- (b) apakah jalan penyelesaian yang Kementerian bakal laksanakan.
8. PN-1311-L16717
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik perkahwinan kanak-kanak dari 2010-2013. Apakah faktor penting bagi pengiktirafan perkahwinan dengan seorang minoriti atau kedua-dua pasangan minoriti.
9. PN-1311-L16690
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah subsidi minyak diesel bagi sektor perikanan dan jumlah pendaftaran sebenar ikan di seluruh negara. Dan adakah Kementerian tidak mempunyai perancangan lebih efektif bagi mengawal harga pasaran ikan agar tidak membebankan pengguna.
10. PN-1311-L16481
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan bahawa usaha untuk memajukan dasar industrialisasi Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi memerlukan pakar-pakar dalam pelbagai bidang, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan pakar-pakar ini.
11. PN-1311-L16461
Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak kes rogol membabitkan pelajar di bawah umur 18 tahun yang dilaporkan berlaku di sekolah-sekolah mengikut pecahan negeri, kaum dan umur sejak 2008. Daripada bilangan ini, berapa kes yang dibawa ke mahkamah dan bentuk hukuman yang dijatuhi ke atas pesalah.
12. PN-1311-L16551
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengapa masalah jalan bertar di kampung-kampung dan luar bandar serta rosak, berlubang serta ditakungi air biarpun baru sahaja digunakan oleh pengguna setempat malahan masalah yang sama tetap berulang walaupun telah diperbaiki beberapa kali.
13. PN-1311-L16296
Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kecurian/cuba curi mesin ATM sepanjang tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya ini.

14. PN-1311-L16183
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perkembangan terbaru mengenai pembantu rumah warga negara Indonesia setakat ini dan apakah alternatif Kementerian dalam memastikan pasaran pembantu rumah di negara kita sentiasa stabil.
15. PN-1311-L16824
Datuk Jamilah Sulaiman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menutup perkampungan air khususnya di negeri Sabah yang jelas terbukti telah menjadi tempat sarang pengganas dan penjenayah sekali gus telah memberi kesan yang negatif daripada aspek kesihatan dan pemeliharaan alam sekitar. Adakah sudah tiba masanya bagi Kerajaan untuk menyediakan satu penempatan yang teratur dan selesa bagi rakyat yang tinggal di perkampungan air.
16. PN-1311-L16258
Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai garis panduan tertentu yang perlu dipatuhi oleh semua agensi penguatkuasaan untuk mengadakan sekatan jalan raya agar tidak menyusahkan pengguna jalan raya.
17. PN-1311-L16916
Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan semenjak Program Francais Komuniti diwujudkan pada tahun 2011, sejauh manakah kejayaan yang dicapai setakat ini dan apakah statistik terkini mengikut negeri mengenai usahawan (wanita dan lelaki) yang telah berjaya dilahirkan dan bidang yang popular diceburi mereka.
18. PN-1311-L16518
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan hospital Kerajaan yang mempunyai pusat TCM (*Traditional & Complementary Medicine*). Apakah rancangan Kerajaan untuk menambah bilangan pusat TCM kepada semua hospital negeri dan hospital daerah di seluruh Malaysia.
19. PN-1311-L16768
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah sebuah Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan oleh Parlimen untuk mengkaji semula sempadan-sempadan kawasan pilihan raya supaya semua rakyat Malaysia boleh diwakili secara adil dan saksama dan adakah ahli-ahli pembangkang akan diberi peluang untuk mengetuai jawatankuasa tersebut.
20. PN-1311-L16902
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan dan sudah diambil oleh pihak Kementerian bagi mengurangkan beban kerja para pensyarah di institusi pengajian tinggi swasta yang sering terbeban dengan kerja-kerja pengurusan dan dokumentasi pentadbiran bagi memenuhi sasaran kualiti kerja atau ISO sedangkan tugas utama mereka adalah mendidik dan membuat kajian dalam bidang yang diajar untuk meningkatkan kualiti pengajaran.

21. PN-1311-L16308
Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah kematian di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak permulaan program PLKN mengikut pecahan tahun dan sebab-sebab kematian.
22. PN-1311-L16506
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesan jerebu yang melanda seluruh negara baru-baru ini terhadap rakyat Malaysia termasuk jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital. Apakah persediaan yang dibuat untuk mencegah penyakit bersabit jerebu pada masa akan datang.
23. PN-1311-L16809
Datuk Hj Saat bin Hj Abu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan kepada Kerajaan Malaysia supaya mengujudkan Kementerian hal ehwal NGO, dan badan sukarela dalam negara ini.
24. PN-1311-L16639
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
 - (a) apakah trend bilangan orang-orang tua bagi setiap negeri di Malaysia; dan
 - (b) apakah model yang sedang digunakan oleh Kerajaan Malaysia bagi menangani masalah penjagaan orang tua dan adakah model yang sedang digunakan di Jepun (*Japan's model of elderly care*) akan digunakan di Malaysia.
25. PN-1311-L16414
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penyediaan sumber manusia untuk menampung keperluan negara telah dirancang dengan teliti. Namun Malaysia masih perlu tenaga luar untuk memenuhi keperluan pekerjaan. Apakah perancangan dan persediaan yang dibuat dari segi tenaga kerja mahir dalam negara untuk menyediakan keperluan negara bagi mencapai sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.
26. PN-1311-L16878
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga kini berapakah jumlah blog dan Facebook yang telah dikenal pasti dan apa tindakan yang telah diambil terhadap mereka. Kerajaan telah menubuhkan pasukan penguatkuasaan untuk mencegah penyelewengan dan ajaran sesat dalam mengekang kegiatan mereka, khasnya untuk memurtadkan umat Islam melalui blog dan Facebook.

27. PN-1311-L16846

Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat ini sejauh mana perkembangan program perumahan mampu milik dilaksanakan. Berapa jumlah projek yang sudah siap dan di manakah lokasi tumpuan bagi memastikan mereka yang benar-benar layak dan memerlukan mampu memperoleh manfaat daripada program daripada program yang diusahakan oleh Kerajaan ini.

28. PN-1311-L16731

Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa ada sesetengah pusat hiburan di Wilayah Persekutuan, terutamanya Kuala Lumpur dibanjiri oleh pelayan-pelayan gadis negara asing yang kebanyakannya terdiri daripada warga Thai dan apakah tindakan pihak PDRM dan Imigresen.

29. PN-1311-L16751

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menerbitkan saham khas kepada pesara dan bekas anggota tentera serta membentarkan pesara dan bekas anggota tentera melabur di dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sebagai satu usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi bekas tentera.

30. PN-1311-L16612

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jenis kerjasama atau bantuan yang pernah dipohon oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari Kerajaan Persekutuan untuk membina empat (4) prasarana besar penyuraian lalu lintas, termasuk terowong bawah dasar laut, yang diumumkan olehnya pada bulan awal 2013.

31. PN-1311-L16870

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah jumlah warga asing memasuki negara ini setiap tahun termasuk status sebagai pelancong, pekerja, diplomat, pemegang pas pekerja jangka pendek, pemastautin, pelajar dan pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR). Daripada jumlah tersebut, apakah statistik yang dicatatkan setiap tahun mengenai implikasi terhadap beban ekonomi dan pencabulan hak asasi manusia yang memberi kesan jangka panjang kepada negara ini.

32. PN-1311-L16219

Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh mana tindakan telah dibuat tentang kelulusan bantuan kewangan yang diumumkan oleh YAB. Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, kepada Pusat Perkembangan Bahasa Murut Sabah semasa Perasmian Tandau Keamatan Peringkat Nasional di Keningau, Sabah, pada bulan Jun 2012 yang lalu.

33. PN-1311-L16364

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah lebihan dakwat kekal yang tidak habis digunakan semasa Pilihan Raya Umum ke-13 dan apakah bentuk tindakan yang akan diambil kepada pembekal kerana tidak menepati spesifikasi dakwat kekal.

34. PN-1311-L16406
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah pencarum-pencarum PERKESO (SOCSO) tidak diberi perlindungan bagi tempoh 24 jam.
35. PN-1311-L16838
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga kini tidak ada mana-mana agensi atau Kementerian yang diberikan peranan dan tanggungjawab untuk menguruskan tentang isu keselamatan siber secara menyeluruh. Apa yang dilihat pendekatan yang diambil hanya menjurus kepada isu-isu untuk menangani masalah yang ditimbulkan di media sosial sedangkan dunia siber mencakupi skop yang cukup luas dan memerlukan satu pendekatan yang mencakupi pelbagai aspek. Masalah ini dianggap mendesak memandangkan banyak negara ketika ini sudah pun mengerak dan menubuhkan unit media siber untuk menangani ancaman dunia siber terhadap keselamatan negara secara keseluruhannya. Apakah tindakan dan pendekatan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dalam soal ini.
36. PN-1311-L16205
Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha baharu untuk menangani masalah pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat luar bandar negeri Sabah.
37. PN-1311-L16739
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah sijil kerakyatan telah diberi kepada mereka yang memegang kad pendaftaran merah dan adakah usaha ini akan diteruskan terutamanya masyarakat Cina dan India yang bermastautin di negara ini sejak negara mencapai kemerdekaan.
38. PN-1311-L16600
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pandangan Kementerian berkaitan isu kelesuan beberapa badan sukan negara serta prestasi yang kurang memberangsangkan, adakah Kementerian bercadang pengkorporatan sukan sebagai jalan penyelesaian di samping turut mampu menjana keuntungan.
39. PN-1311-L16415
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- adakah benar harga kenderaan di negara ini boleh diturunkan oleh pengeluar kenderaan itu sendiri tanpa melibatkan penurunan duti eksais oleh Kerajaan; dan
 - bagaimana Dasar Automotif Nasional (DAN) yang bakal diumumkan kelak boleh menjadi pemangkin penurunan harga kenderaan secara lebih drastik melalui penurunan duti import dan eksais serta diterima pakai oleh semua pengeluar kenderaan.

40. PN-1311-L16263
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah terkini wanita dan kanak-kanak yang dijangkiti HIV di negara ini dan nyatakan langkah bagi menjaga kebajikan kanak-kanak ini termasuk dari segi rawatan, penjagaan, kaunseling dan sokongan serta nyatakan langkah Kementerian bagi mengawal HIV daripada terus merebak di negara ini.
41. PN-1311-L16777
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan akan menjamin proses persempadanan semula kawasan pilihan raya supaya telus dan adil, khususnya untuk mengelak daripada satu-satu kawasan mempunyai pengundi yang jauh lebih ramai daripada kawasan lain.
42. PN-1311-L16213
Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk menaik taraf sekolah-sekolah Mubaligh (*Mission School*) di negeri Sabah bagi menyediakan kemudahan yang selesa bagi para pelajar dan pendidik di sekolah-sekolah tersebut.
43. PN-1311-L16562
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan yang diambil terhadap orang-orang yang menjerat dan membunuh haiwan-haiwan liar yang terdapat di hutan-hutan kita. Apakah langkah-langkah diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan keselamatan haiwan-haiwan liar kita.
44. PN-1311-L16849
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan dan statistik perbezaan antara sekolah wawasan dan sekolah biasa.
45. PN-1311-L16627
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pencapaian utama PEMUDAH sejak ditubuhkan pada peringkat Persekutuan dan negeri.
46. PN-1311-L16718
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik keganasan domestik terhadap wanita dan penderaan kanak-kanak dari 2010-2013. Antaranya, berapakah telah ditempatkan di pusat jagaan.
47. PN-1311-L16320
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan pembayar cukai yang gagal mengisytiharkan cukai pendapatan bagi 2011 dan 2012 serta nyatakan bilangan pembayar cukai melalui e-filing dan jumlah kutipannya bagi tempoh yang sama serta langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan pembayaran cukai melalui e-filing.

48. PN-1311-L16428
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai daripada penubuhan 14 Mahkamah Khas Rasuah yang di inisiatifkan oleh NKRA Membanteras Rasuah.
49. PN-1311-L16436
Datuk Pau Chiong Ung minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) berdasarkan hanya 30 peratus guru Bahasa Inggeris mencapai tahap penguasaan mahir (EP) dalam "Cambridge Placement Test (CPT)", adakah kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris antara Guru-guru Bahasa Inggeris sekolah menyebabkan pemansuhan PPSMI ; dan
 - (b) adakah ini sebab utama kualiti Bahasa Inggeris di kalangan murid sekolah kita kurang memuaskan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.
50. PN-1311-L16477
Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada cadangan menggubal undang-undang khusus bagi menghukum penderhaka dan mereka yang menghina DYMM Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu akan diberi pertimbangan dan seterusnya dibawa ke Parlimen untuk perdebatan dan kelulusan.
51. PN-1311-L16318
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kadar produktiviti negara bagi tempoh 2010 hingga 2012 dan nyatakan bagi tahun 2013 serta sejauh manakah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah meningkatkan produktiviti negara.
52. PN-1311-L16650
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pengurup wang sering menjadi mangsa penguat kuasa Bank Negara Malaysia (BNM). Pengurup wang tidak diberikan peluang untuk membetulkan kesilapan atau kesalahan tetapi terus diberi notis untuk menutup perniagaan. Saya mohon Kementerian memberi nasihat kepada BNM supaya menjadi mesra dan memberi nasihat serta tunjuk ajar dahulu sebelum menutup operasi sesebuah pengurup wang bagi kesalahan-kesalahan kecil yang boleh diperbetulkan. Apakah Kementerian sedar tentang perkara ini dan apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan pengurup wang sentiasa menyediakan perkhidmatan pengurusan wang terutamanya kepada pelancong asing.
53. PN-1311-L16563
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah penduduk Orang Asli seluruh negara mengikut pecahan negeri dan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk menjaga kepentingan mereka dalam aspek adat, pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

54. PN-1311-L16509

Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah banduan dalam penjara di Malaysia dalam sepuluh tahun yang lalu, mengikut tahun. Berapakah peratus warga Malaysia, dan berapa peratus warga asing.

55. PN-1311-L16236

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian menyedari bahawa ramai pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di peringkat Sarjana (Master) dan Kedoktoran (PhD) terkandas oleh sebab tidak adanya penajaan. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam menyelesaikan isu tersebut; dan
- (b) apakah Kementerian bercadang memberi cuti sabatikal sepenuhnya kepada mereka yang akan melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan kedoktoran (tidak terhad kepada pensyarah IPT sahaja) .

56. PN-1311-L16660

Tuan Lihan Jok minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah Kolej Komuniti yang telah ditubuhkan di Sarawak dan berapa lagi yang akan didirikan dalam masa terdekat. Apakah pra-syarat yang dimiliki oleh satu-satu kawasan untuk menubuhkan sebuah Kolej Komuniti.

57. PN-1311-L16859

Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian yang telah dilaksanakan untuk menyeragamkan harga barang di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

58. PN-1311-L16175

Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah penduduk yang berasal dari Semenanjung Malaysia masih memerlukan permit kerja sekiranya ingin bekerja di Sabah walaupun sudah menetap di sana lebih dari 10 ke 20 tahun dan sudah pun mengundi di sana dan, adakah Kementerian bercadang untuk merombak semula perkara ini sejajar dengan semangat 1Malaysia.

59. PN-1311-L16788

Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) adakah kaedah yang bakal diguna pakai oleh Kementerian bagi mengurangkan defisit fiskal negara kepada 3 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2015; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian berpandangan melalui penubuhan jawatankuasa dasar fiskal baru-baru ini, ia mampu mengurangkan defisit fiskal, mengukuhkan kewangan awam dan memastikan kemapanan fiskal jangka panjang.

60. PN-1311-L16537
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah punca sebenar yang berlaku tiket final Piala FA 29 Jun 2013 yang lalu begitu cepat terjual hingga menimbulkan kemarahan peminat dua negeri berkenaan. Dan apakah tindakan masa akan datang agar perkara yang sama tidak berulang lagi.
61. PN-1311-L16285
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kualiti (dari segi kandungan ceramah dan adab tertib berceramah) penceramah-penceramah agama terutama yang memberi ceramah-ceramah agama dalam masjid di serata negara.
62. PN-1311-L16557
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah mekanisme yang bakal diguna pakai oleh Kementerian dalam penyediaan kaedah pembelajaran yang lebih ceria dan kondusif dalam usaha mengatasi masalah tekanan mental di kalangan para pelajar sekolah sejak kebelakangan ini.
63. PN-1311-L16679
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelancaran JUWITA sebagai satu pertubuhan nasional melindungi ibu-ibu tunggal telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri tidak lama dahulu. Sehingga kini, apakah implementasi dan perancangan yang telah dilakukan Kementerian dan berapa ramaikah yang telah menjadi ahli JUWITA ini.
64. PN-1311-L16400
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai nama kesatuan pekerja yang memohon pengiktirafan dari majikan sejak tahun 2010 hingga kini yang masih belum diberikan pengiktirafan.
65. PN-1311-L16319
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah hasil eksport produk kayu-kayan negara bagi tahun 2012 dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan lebih ramai tenaga mahir yang berdaya saing untuk membantu negara mencapai sasaran eksport produk perkayuan negara kepada RM52 bilion menjelang tahun 2020.
66. PN-1311-L16836
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kadar pertumbuhan jenayah di antara tahun 2008 dan 2013 dan apakah langkah dan tindakan Kerajaan untuk mengatasi ancaman jenayah yang difahamkan telah menjadi ancaman nombor satu negara.

67. PN-1311-L16499
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah mentransformasikan sekolah-sekolah vernakular sebagai usaha merealisasikan perpaduan nasional di kalangan peringkat murid-murid sekolah rendah dan menengah.
68. PN-1311-L16615
Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia, Marin Polis, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Jabatan Perikanan dapat bekerjasama untuk melindungi nelayan kita daripada ancaman lanun bersenjata dalam perairan Selat Melaka. Apakah bentuk persefahaman dan kerjasama dengan pihak berkuasa Indonesia.
69. PN-1311-L16464
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jika Kerajaan Pusat enggan melaksanakan IPMC untuk menentukan polis bertindak dalam batasan undang-undang, apakah mekanisme yang dapat digunakan untuk menentukan polis negara berpegang kepada SOP dalam tugas mereka.
70. PN-1311-L16348
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan dan peratus pelajar yang lulus mata pelajaran Pendidikan Agama Islam di peringkat sekolah rendah (Tahun 6) dan menengah (Tingkatan 5) bagi tahun 2012 mengikut negeri.
71. PN-1311-L16668
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bekalan ayam di negara ini mencukupi untuk keperluan harian dan pada musim-musim perayaan terutamanya dan adakah bekalan ayam masih diimport dari negara luar. Sekiranya ada, berapakah jumlah import ayam-ayam ini ke negara kita dan dari negara mana ayam-ayam ini diimport.
72. PN-1311-L16266
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pejabat pemeriksaan PUSPAKOM seluruh negara dan nyatakan mutu perkhidmatan yang diberikan bagi menjamin keselamatan kenderaan serta nyatakan langkah bagi memastikan kakitangan PUSPAKOM tidak terlibat dengan penyalahgunaan kuasa dan rasuah.
73. PN-1311-L16750
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian guru Bahasa Inggeris dalam ujian *Cambridge Placement Test (CPT)* tahun lalu khususnya tahap kefasihan dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan tahap kefasihan mereka.

74. PN-1311-L16358

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dengan terperinci bilangan dan nama negara pengeksport beras serta jumlah beras yang diimport dari negara berkenaan, dan nyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk mengurangkan pergantungan bekalan beras daripada luar negara, terutama Thailand.

75. PN-1311-L16616

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah hasil siasatan terhadap runtuhan sebahagian daripada penyambung Batu Maung yang menghubungkan Jambatan Kedua Pulau Pinang ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah kemalangan seumpama ini daripada berlaku lagi.

76. PN-1311-L16702

Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan pihak Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Diraja berhubung insiden pencerobohan kumpulan pengganas Kiram di Pantai Timur Sabah kerana rakyat mahu mengetahui apa sebenarnya yang berlaku.

77. PN-1311-L16237

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan:-

- (a) apakah tahap keselamatan di negara ini benar-benar terjamin dan kukuh memandangkan banyak isu-isu dan peristiwa pencerobohan yang telah berlaku di sempadan darat dan perairan negara kita telah dibolosi; dan
- (b) apakah tahap keselamatan di Sabah sekarang terutamanya di Lahad Datu, Kunak dan Semporna.

78. PN-1311-L16572

Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah penjualan tiket-tiket palsu untuk perlawanan-perlawanan bola sepak seperti yang berlaku pada perlawanan akhir Piala FA.

79. PN-1311-L16445

Datuk Pau Chiong Ung minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai polisi tertentu bagi memastikan setiap pekerja Malaysia di luar negara wajib mendaftar diri di Pejabat Kedutaan/konsulat Malaysia di tempat mereka bekerja; dan
- (b) berapakah rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara telah mendaftar diri dan berapakah yang belum atau gagal membuat sedemikian.

80. PN-1311-L16372

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status projek Landasan Keretapi Elektrik Berkembar Ipoh-Padang Besar serta jangkaan bila projek itu akan siap dan boleh beroperasi. Adakah apabila siap kelak laluan berkenaan dapat menghubungkan dengan laluan kereta api di Thailand, Kemboja, Vietnam dan Selatan China.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop** akan mencadangkan:-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (25 Julai, 2013)

- | | | | |
|----|----------------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 4/2013) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------------|---|-------------------------------|

[Menteri Kewangan]

3. PN-1311-U16251

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

“Bahawa kami Ahli-ahli Dewan Negara Barisan Nasional merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas titah ucapan baginda pada 25 Jun 2013 di Dewan Rakyat baru-baru ini. Sesungguhnya titah ucapan tersebut perlu dihayati oleh semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan anutan kepercayaan masing-masing. Titah ucapan baginda ternyata amatlah baik dan berkesan untuk keamanan, perpaduan, kesejahteraan, kebaikan, kemakmuran semua pihak, rakyat dan negara ini.”

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

4. PN-1311-U16252

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

“Bahawa kami Ahli Dewan Negara dari Barisan Nasional merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah di atas kemenangan Barisan Nasional pada PRU-13 baru-baru ini. Kami juga merakamkan tahniah kepada YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilantik sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Turut merakamkan tahniah kepada semua Menteri, Timbalan Menteri dan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, serta juga kepada Senator-Senator baru yang telah dilantik. Semoga mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik, amanah, bertanggungjawab, cemerlang dan terbilang demi kesejahteraan rakyat dan negara.”

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

5. PN-1311-U16256

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan menangani isu jerebu yang saban tahun berlaku dan sentiasa berulang di negara ini. Kami berharap Kerajaan dapat menyelesaikan isu ini dalam bentuk jangka panjang agar tidak berulang kembali. Kami juga menyeru supaya satu usaha dibuat diantara Kerajaan Malaysia dan Indonesia secara bersungguh-sungguh, menyeluruh, bersifat proaktif serta tidak berulang lagi."

[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]

6. PN-1311-U16257

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan mengutamakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan daripada rakyat asing. Kita sedar bahawa sekarang ini terlalu ramai rakyat asing sama ada yang halal atau haram (PATI) bekerja di negara ini. Dianggarkan sekitar 5 juta orang. Ini mengancam peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan keselamatan negara. Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan merancang dan berusaha untuk mengurangkan kedatangan rakyat asing dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja mereka dan sebaliknya diganti oleh rakyat tempatan yang sekarang ini banyak menganggur. Oleh itu satu cetak biru dan tindakan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang wajib dilaksanakan segera bagi menghindarkan terjadinya seperti kata pepatah "kera di hutan disusukan, anak dibuaian ditinggalkan."

[Menteri Sumber Manusia]

7. PN-1311-U16387

Dato' Boon Som a/l Inong akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elauan dan kemudahan Ahli Parlimen. Pindaan ini perlu memandangkan tempoh tiga tahun adalah sangat terhad untuk membolehkan seseorang Ahli Dewan Negara memberi perkhidmatan dengan berkesan. Sungguhpun Ahli Dewan Negara tidak mempunyai kawasan tertentu dan pengundi, mereka mewakili kelompok tertentu dan mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap kelompok yang diwakilinya, terutama bagi Ahli Dewan Negara yang dilantik mewakili masyarakat minoriti seperti Masyarakat Siam. Bahkan kadangkala peranan Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat minoriti hampir-hampir menyamai peranan Ahli Dewan Rakyat yang dilantik menerusi pilihan raya. Bahkan ditinjau di negara-negara jiran di rantau ASEAN ini yang juga mengamalkan sistem bicameralism, didapati Senator di Indonesia memegang jawatan selama lima tahun manakala di Thailand dan Filipina pula selama enam tahun. Dengan pindaan ini kelak akan meletakkan Senator di Malaysia setara dengan rakan sejawat mereka di negara jiran.

Begitu juga dengan elaun dan kemudahan Ahli Parlimen, kajian semula perlu dilakukan supaya bersesuaian dengan keadaan semasa, terutama dari segi ekonomi, serta tanggungjawab yang dipikulnya. Sejak Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 diwartakan, kali terakhir gaji Ahli Parlimen disemak adalah pada tahun 2005. Dibandingkan dengan negara jiran, gaji Ahli Parlimen di negara ini jauh lebih rendah. Ahli Parlimen negara ini memperoleh RM6,500 sebulan berbanding Ahli Parlimen Singapura (RM33,589), Indonesia (RM18,000) dan Thailand (RM11,534). Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil tindakan serius bagi meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2013</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.10	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak Bagi Tahun 2011	29 Julai 2013
ST.22	Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Pindaan) 2013	29 Julai 2013
ST.23	Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2013	29 Julai 2013
ST.28	Kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan (Pindaan) 2013.	29 Julai 2013
ST.29	Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan (Pindaan) 2013	29 Julai 2013
ST.30	Kaedah-kaedah Mahkamah (Pindaan) 2013	29 Julai 2013
ST.34	Akta Kastam 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2012 P.U (A) 472 yang diwartakan pada 28 Disember 2012	29 Julai 2013
ST.35	Akta Kastam 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN) (Pindaan) 2012 P.U(A) 471 yang diwartakan pada 28 Disember 2012	29 Julai 2013
ST.36	Akta Kastam 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Antara Malaysia - Australia) 2012 P.U.(A) 487 yang diwartakan pada 31 Disember 2012	29 Julai 2013

<u>TAHUN 2013</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.40	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) Bagi Tahun 2012	29 Julai 2013
ST.41	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2012	29 Julai 2013
ST.42	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2012	29 Julai 2013
ST.43	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2012	29 Julai 2013
ST.44	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2012.	29 Julai 2013